

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **kebaikan mengadakan sudut bacaan keluarga di rumah**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.



Tabiat
Membaca

Perlukah sudut bacaan keluarga disediakan di rumah? Itulah persoalan yang wajar kita fikirkan kerana hakikatnya kewujudan sudut bacaan sememangnya memberikan kelebihan kepada kita. Sekecil mana sekalipun ruang itu, kita sebagai ibu bapa seharusnya menyediakan peruntukan untuk merealisasikan sudut bacaan di rumah. Hal ini demikian kerana, sudut bacaan keluarga banyak manfaat atau kelebihannya.

Pengumpulan bahan-bahan bacaan sama ada akhbar, majalah, komik, buku resipi, manual, dan sebagainya patut diamalkan oleh sesebuah keluarga. Bahan-bahan ini jika disusun rapi akan memudahkan kita sekeluarga membuat rujukan. Ibu bapa mudah mendapatkan maklumat manakala anak-anak dapat memanfaatkan bahan-bahan ini untuk pembelajaran mereka. Di samping itu, tabiat membaca yang merupakan amalan mulia itu akan dapat disemaikan dalam kalangan keluarga terutamanya anak-anak kita. Ibu bapa yang suka membaca akan menjadi contoh dan sumber inspirasi kepada anak-anak dalam mengamalkan budaya membaca. Hal ini selaras dengan kata-kata hikmat membaca jambatan ilmu dan sewajarnya diamalkan oleh semua golongan.

Tabiat membaca yang dipupuk dalam sesebuah keluarga juga berupaya untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan dan kasih sayang. Aliran perasaan ini akan mudah dirasai andainya ibu bapa meluangkan masa di sudut bacaan bersama-sama dengan anak-anak. Selain membaca dan bertukar-tukar fikiran, seluruh keluarga dapat saling membantu dalam apa-apa jua perkara. Secara tidak langsung, anak-anak akan berasa dihargai kerana diberikan perhatian penuh oleh orang tua mereka.

Kewujudan sudut bacaan yang dipenuhi oleh pelbagai bahan bacaan itu juga mampu menjadikan anak-anak kita menghormati dan menjadikan buku sebagai teman karib mereka. Keseluruhannya, sudut bacaan di rumah ada banyak kelebihannya. Terpulanglah kepada kita sebagai ibu bapa untuk mencorakkan dan menanam tabiat membaca ini dalam jiwa anak-anak kita.

Kenal pasti **kebaikan mengadakan sudut bacaan di rumah**. Tulis kebaikan-kebaikan itu di bawah.

Kebaikan 1:.....

Kebaikan 2:.....

Kebaikan 3:.....

Kebaikan 4:.....

Ringkasan:

Antara kebaikan mengadakan sudut bacaan di rumah ialah,

Selain itu,

Di samping itu,

Seterusnya,

(patah perkataan)